

## PROGRAM PEMBIAYAAN MIKRO ZAKAT ALLIANCE ISLAMIC BANK

# Lebih inklusif, produktif agih zakat kepada asnaf

HARIAN METRO 15/11/2024 M/S: 28

**Kuala Lumpur:** Alliance Islamic Bank Bhd menyifatkan Program Pembiayaan Mikro Zakat (Azam) yang dilancarkan baru-baru ini, satu evolusi perjalanan kewangan sosial keseluruhan bank dalam mewujudkan cara yang lebih inklusif dan produktif untuk mengagihkan zakat kepada golongan asnaf.

Ketua Pegawai Eksekutif Rizal Il-Ehzan Fadil Azim berkata, pengagihan zakat biasanya dilaksanakan dalam bentuk pemberian bantuan makanan, tempat tinggal dan pakaian yang bersifat sekali beri dan konsumtif.

“Berdasarkan beberapa kajian kami lakukan, sumbangan secara langsung atau zakat konsumtif ini, ia hanya memberikan penyelesaian dari segi keperluan asas namun tidak mendorong penerima untuk memperkasakan ekonomi mereka dan bebas daripada segi kewangan.

“Justeru itu, kami melihat peluang itu dengan mewujudkan zakat bersifat produktif dengan mengambil pendekatan berbeza kerana melihat zakat ternyata berpotensi dijadikan sebagai dana sosial,” katanya kepada Bernama.

Beliau berkata, di Ma-

laysia, kutipan zakat adalah sekitar RM3 bilion hingga RM4 bilion setahun, dengan dua pengutip utama zakat iaitu Lembaga Zakat Selangor (LZS) merekodkan kutipan mencecah RM1 bilion dan Wilayah Persekutuan (Wilayah Persekutuan), kira-kira RM900 juta.

Pada awalnya, Pembiayaan Mikro Zakat dilihat kurang menepati objektif zakat dari perspektif syariah, berikutan penggunaan zakat untuk pembiayaan mikro belum lagi diwujudkan.

“Tetapi apabila kita bentangkan kepada Majlis Fat-

wa Negeri Selangor, dan mereka melihat ia sesuatu yang boleh dilaksanakan. Ulama banyak memberi penjelasan kerana mereka melihat zakat itu tidak semestinya dalam bentuk wang semata-mata, tetapi faedah diperoleh daripada wang itu.

“Jadi, apa yang kita lakukan ialah kita memperuntukkan (manfaat) daripada dana zakat berbanding memperuntukkan dana itu sendiri kepada asnaf,” katanya.

Media sebelum ini melaporkan Alliance Islamic Bank melancarkan Program Pembiayaan Mikro

Zakat Alliance Islamic Bank (Azam), program dana sosial Islam pertama di Malaysia yang menggunakan dana zakat wakalah bagi membantu usahawan mikro daripada kumpulan asnaf.

Program itu menggalakkan akses kewangan dan pembangunan yang saksama melalui penyediaan peluang pembiayaan mudah dan mampu dimiliki.

Ia dilaksanakan menerusi struktur dana pusingan dan merintis cara bagaimana zakat dimanfaatkan untuk membantu usahawan mikro daripada golongan asnaf.